CHONG YONG YEW A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
KAMARDIN HASHIM PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: MT(4)-43-7-2009]
17 APRIL 2009

POLIS: *Kuasa-kuasa - Polis bantuan pelabuhan - Kesalahan-kesalahan yang boleh disiasat - Sama ada mempunyai kuasa menangkap - Sama ada tangkapan di luar kawasan pelabuhan bagi kesalahan yang dilakukan di dalam kawasan pelabuhan adalah sah* C

PROSEDUR JENAYAH: *Functus officio - Penghakiman dan perintah, pindaan kepada - Pindaan kepada perintah reman - Kesilapan pada tempoh perintah reman - Sama ada Penolong Kanan Pendaftar berhak meminda perintah reman untuk membetulkan tempoh reman semasa mahkamah masih belum bersurai - Kanun Tatacara Jenayah s. 117(2), 278* D

E

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan - Prosiding reman - Alasan-alasan untuk perintah reman - Sama ada alasan-alasan bagi pembenaran atau penolakan reman perlu direkodkan - Sama ada kegagalan mahkamah untuk merekodkan alasannya menyebabkan ketidakadilan - Kanun Tatacara Jenayah s. 117(7)* F

PROSEDUR JENAYAH: *Tangkapan - Perintah reman - Bidangkuasa untuk membuat perintah reman - Sama ada Penolong Kanan Pendaftar mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah reman*

G

PROSEDUR JENAYAH: *Tangkapan - Perintah reman - Permohonan untuk - Sama ada Penolong Pegawai Penyiasat atau wakil Pegawai Penyiasat boleh mengemukakan permohonan untuk reman - Sama ada wajib untuk mengemukakan dairi siasatan semasa membuat permohonan reman - Kanun Tatacara Jenayah ss. 117 & 119*

H

Pemohon, seorang warganegara Singapura, telah di tangkap oleh Pegawai Polis Pelabuhan dari Bahagian Siasatan Jenayah, Polis Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) pada 8 April 2009. Hasil siasatan mendapati pemohon disyaki terlibat dalam pengeluaran barang lusuh keluar dari PTP tanpa dokumen pengeluaran barang yang sah. I

A Siasatan juga mendapati pemohon terlibat dalam kes penipuan berat timbangan barangan lusuh yang dikeluarkan dari Jabatan Maintenance Support Centre (MSC), PTP. Oleh itu siasatan terhadap pemohon dibuat di bawah s. 379 dan s. 420 Kanun Keseksaan. Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi di Johor
B Bahru (PKP) telah membenarkan reman untuk tempoh selama empat hari sehingga 11 April 2009. Pemohon telah memohon untuk semakan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) atas alasan pemohon terkilan terhadap perintah PKP yang memerintahkan pemohon di tahan reman di bawah s. 117 KTJ selama empat hari.
C Pemohon mempersoalkan bidangkuasa dan kesesuaian perintah PKP tersebut. Pihak pemohon telah membangkitkan isu-isu berikut: (i) bahawa tangkapan dibuat oleh Polis Bantuan PTP di luar bidangkuasa iaitu di luar kawasan PTP; (ii) bahawa PKP bukan Majistret dan oleh itu tiada bidangkuasa untuk megendalikan
D pendengaran dan mengeluarkan perintah tahanan reman; (iii) bahawa permohonan reman oleh wakil Pegawai Penyiasat dan bukan oleh Pegawai Penyiasat kes itu sendiri bercanggah dengan s. 117 KTJ yang memperuntukkan bahawa permohonan sedemikian hendaklah dibuat oleh Pegawai Penyiasat kes; (iv) bahawa diari siasatan
E dibawah s. 119 KTJ telah tidak dikemukakan semasa permohonan reman dibuat; dan (v) bahawa PKP telah *functus officio* bila meluluskan reman lima hari dan kemudiannya mengubah kepada empat hari.

F **Diputuskan (menolak permohonan pemohon):**

(1) Kesalahan-kesalahan yang boleh disiasat oleh Polis Bantuan bagi semua pelabuhan di Malaysia termasuklah kesalahan curi di bawah s. 379, 379A, 380 dan 381 Kanun Keseksaan dan
G kesalahan tipu di bawah s. 420 dan 421 Kanun yang sama. Apabila kuasa menyiasat diberikan maka secara tersirat kuasa menangkap juga disertakan bersama bagi menangkap pesalah-pesalah berkenaan. Polis Bantuan PTP boleh menangkap pesalah di mana-mana tempat di negara ini selagi pesalah
H tersebut telah melakukan sesuatu kesalahan di dalam kawasan pelabuhan (port limits) bagi PTP. Tangkapan yang dibuat ke atas pemohon di Taman Johor Jaya adalah sah kerana kesalahan yang didakwa dilakukan oleh pemohon telah berlaku dalam kawasan PTP. (perenggan 12)

I **(2)** PKP sebagai *ex-officio* Majistret Kelas Satu mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah reman terhadap Pemohon dalam kes ini. (perenggan 16)

(3) Pegawai Penyiasat di bawah s. 117 tidak harus dibaca secara ketat atau secara 'literal'. Seorang Penolong Pegawai Penyiasat atau seorang wakil kepada Pegawai Penyiasat boleh hadir bagi pihak dalam mengemukakan permohonan untuk reman dengan syarat Penolong Pegawai Penyiasat atau wakil tersebut mempunyai pengetahuan secara peribadi mengenai setiap butir-butir siasatan kes tersebut. (perenggan 17)

(4) Dairi siasatan dibawah s. 119 KTJ adalah wajib dikemukakan semasa membuat permohonan reman. Diari sisatan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat telahpun dikemukakan kepada PKP bersama surat Permohonan Tahanan Reman. (perenggan 18 & 19)

(5) PKP telah pada mulanya membenarkan reman sehingga 12 April 2009 tetapi kemudiannya menyedari bahawa itu bermakna tempoh reman tersebut adalah selama lima hari dan ini bercanggah dengan kuasa beliau untuk membenarkan reman maksima empat hari sahaja dalam permohonan kali pertama seperti diperuntukkan di bawah s. 117(2)(a) KTJ. Menyedari kesilapan tersebut, PKP telah meminda perintah beliau dengan membenarkan reman selama empat hari iaitu sehingga 11 April 2009. Pindaan itu dibuat sebaik sahaja beliau sedar akan kesilapannya dan dengan serta merta semasa pihak-pihak masih lagi berada di hadapannya. Maka, PKP belum lagi dikategorikan sebagai *functus officio* oleh kerana pindaan itu dibuat "before the court rises for the day". (perenggan 20)

(6) PKP telah gagal merekodkan alasan-alasan beliau membenarkan tahanan reman selama empat hari tersebut. PKP telah gagal mematuhi kehendak s. 117(7) KTJ yang menghendakki Majistret merekodkan alasannya membenarkan atau menolak permohonan reman. Namun, kegagalan PKP untuk merekodkan alasannya tidak fatal dan tidak membawa kepada satu keadaan sehingga berlakunya ketidakadilan. (perenggan 21)

(7) Perintah reman selama empat hari yang dibenarkan oleh PKP adalah betul, sah dan bersesuaian dengan keadaan fakta dalam kes ini. (perenggan 22)

Kes-kes yang dirujuk:

Nabachandra Singh v. Manipur Administration [1964] AIR Manipur 39 ***(dirujuk)***

Polis Di Raja Malaysia v. Audrey Keong Mei Cheng [1994] 3 CLJ 362 HC ***(dirujuk)***

PP v. Muhari Mohd Jani & Anor [1999] 8 CLJ 430 HC ***(dirujuk)***

Re The Detention Of Leonard Teoh Hooi Leong [1998] 1 CLJ 857 HC ***(dirujuk)***

Saul Hamid Pakir Mohamed v. PP [1987] 2 CLJ 257; [1987] CLJ (Rep) 967 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, ss. 10, 31, 35

Criminal Procedure Code, ss. 117(2)(a), (7), 119(1), (2)(a), 278, 323, 327

Penal Code, ss. 379A, 380, 381, 420, 421

Police Act 1967, s. 8

Subordinate Courts Act 1948, s. 77

Bagi pihak pemohon - GSP Ravindran; T/n GSP Ravindran & Co
Bagi pihak pendakwaan - Fazaly Ali Mohd Ghazaly TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim PK:

[1] Ini merupakan satu permohonan semakan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang dipohon oleh Tetuan GSP Ravindran & Co bagi pihak yang terkilan iaitu seorang penama Chong Yong Yew (pemohon). Pemohon terkilan terhadap perintah Penolong Kanan Pendaftar (PKP), Mahkamah Tinggi di Johor Bahru yang memerintahkan Pemohon di tahan reman di bawah s. 117 KTJ selama empat hari mulai 8 April 2009 sehingga 11 April 2009. Permohonan peguam terpelajar tersebut melalui surat bertarikh 9 April 2009, mempersoalkan bidangkuasa dan kesesuaian perintah PKP tersebut. Atas dasar keperluan menyegerakan permohonan pemohon ini, mahkamah telah mendengar permohonan tersebut pada 10 April 2009.

Latarbelakang Fakta Kes

[2] Pemohon adalah seorang warganegara Singapura pemegang passport No. S 1103649Z, telah di tangkap oleh Pegawai Polis Pelabuhan dari Bahagian Siasatan Jenayah, Polis Pelabuhan Tanjung

Pelepas (PTP) pada 8 April 2009. Tangkapan tersebut dilakukan di alamat No. 1, Jalan Teratai 47, Taman Johor Jaya, Johor Bahru pada jam lebih kurang 6 pagi pada tarikh tersebut. Setelah di tangkap, pemohon telah dibawa ke Balai Polis Johor Jaya dimana satu laporan polis telah dibuat melalui Johor Jaya Report No. 4901/09. Tangkapan tersebut dibuat bersabit satu kes kecurian barang lusuh dibawah s. 379 dan satu kes tipu dibawah s. 420 Kanun Keseksaan yang sedang disiasat oleh Sjn/PB 41606 Mohd Affendi Kasidi dari Balai Polis PTP. Pemohon telah diberitahu sebab-sebab dan tujuan beliau ditangkap oleh pegawai yang membuat tangkapan, Insp/PB Mohd Zamri Manjanib.

[3] Fakta kes ini bermula pada 18 Februari 2009 dimana satu laporan polis dibuat oleh pengadu seorang anggota Polis Bantuan PTP, K/PB Mohd Miskam bin Hj Shahid melalui report TKR 184/09. Pengadu telah membuat laporan berkaitan dengan penahanan sebuah motor lori No. BHC 6578 dengan treler No. T/BB 3416 di Lorong No. 1 Import, Pintu Utama 'A' PTP, Tg Kupang, Johor. Hasil dari penahanan tersebut, pemandu lori telah gagal mengemukakan satu Borang Pengeluaran Barang Keluar dari PTP. Bertindak atas risikan dan maklumat, pemohon telah ditangkap pada 8 April 2009. Hasil siasatan mendapati pemohon disyaki terlibat dalam pengeluaran barang lusuh keluar dari PTP tanpa dokumen pengeluaran barang yang sah. Siasatan juga mendapati pemohon juga telah terlibat dalam kes penipuan berat timbangan barangan lusuh yang dikeluarkan dari Jabatan Maintenance Support Centre (MSC), PTP. Didapati Pemohon telah gagal mengistiharkan berat barang lusuh sebanyak 8750 kilogram berupa barangan '4 length dan 4 roll wire rope'. Siasatan seterusnya menunjukkan pemohon telah disyaki mencuri 8750 kilogram 'wire rope' tersebut dengan menggunakan dokumen yang telah di palsukan. Oleh itu siasatan terhadap pemohon adalah dibuat di bawah s. 379 dan s. 420 Kanun Keseksaan.

Bantahan Peguam Pemohon

[4] Di hadapan PKP, peguam pemohon telah membantah terhadap permohonan reman yang dipohon oleh pihak polis PTP. Alasan-alasan bantahan tersebut seperti dinyatakan dalam surat peguam bertarikh 9 April 2009 tersebut kepada mahkamah, iaitu:

(a) Ada keraguan terhadap kuasa Police Auxiliary (Polis Bantuan) untuk menangkap pemohon khususnya di luar kawasan PTP.

(b) Pegawai Polis Bantuan tersebut tidak menunjukkan apa-apa kuasa yang terada untuk menangkap dan mohon reman.

(c) Di bawah s. 117 reman boleh di pohon untuk menyambung siasatan dan dalam kes ini siasatan belum pun di mulakan.

(d) Reman perlu di buat oleh Pegawai Siasatan.

(e) Diari siasatan tidak di kemukakan.

(f) Mengikut peguam PTP, kes ini telah di lapurkan kepada polis pada 19 Februari 2009 oleh itu bidangkuasa untuk reman berada dalam bidangkuasa polis dan bukan Police Auxiliary PTP.

[5] Kesemua bantahan peguam tersebut di tolak oleh PKP. Reman dibenarkan untuk tempoh selama empat hari sehingga 11 April 2009. Bagi meneliti kesesuaian perintah PKP tersebut, mahkamah telah mengarahkan segala rekod prosiding reman tersebut di kemukakan. Semua rekod prosiding telah pun di kemukakan kepada saya sebelum permohonan semakan ini di dengar.

Hujahan Peguam Pemohon

[6] Di hadapan saya, peguam pemohon telah membangkitkan isu-isu berikut dalam hujahan beliau:

(a) Tangkapan dibuat oleh Polis Bantuan PTP di luar bidangkuasa iaitu diluar kawasan PTP. Peguam berhujah Polis Bantuan PTP tidak ada kuasa untuk menangkap pemohon diluar dari kawasan kawalan PTP;

(b) Prosiding reman dibuat dihadapan PKP bukan dihadapan majistret. Peguam berhujah bahawa PKP bukan majistret oleh itu tiada bidangkuasa untuk megendalikan pendengaran dan mengeluarkan perintah tahanan reman;

(c) Permohonan reman oleh wakil Pegawai Penyiasat dan bukan oleh Pegawai Penyiasat kes itu sendiri. Peguam berhujah ini bercanggah dengan s. 117 KTJ yang memperuntukkan bahawa permohonan sedemikian hendaklah dibuat oleh Pegawai Penyiasat kes;

(d) Diari siasatan dibawah s. 119 KTJ telah tidak dikemukakan semasa permohonan reman dibuat; dan

(e) PKP telah *functus officio* bila meluluskan reman lima hari dan kemudiannya mengubah kepada empat hari.

Hujahan Pihak Pendakwaan

[7] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) terpelajar berhujah bahawa:

(a) Polis Bantuan telah diberikan kuasa dibawah Akta Polis 1967 untuk membuat tangkapan dan siasatan termasuk kes-kes yang disiasat dibawah s. 379 dan 420 Kanun Keseksaan. Satu arahan mengenai perkara ini telah dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman. Seksyen 8 Akta Polis 1967 memberikan kuasa kepada Polis Bantuan untuk membuat tangkapan.

(b) Mengenai perintah reman oleh PKP, tuan TPR berhujah bahawa PKP juga diwartakan sebagai majistret dan mempunyai kuasa untuk membuat perintah reman.

(c) Pegawai Penyiasat kes adalah Sjn/PB 41606 Mohd Affendi Kasidi dan perintah reman dipohon melalui wakil Pegawai Penyiasat tersebut iaitu SM/PB Alias. Pangkat wakil adalah lebih tinggi dan merupakan seorang Penolong Pegawai Penyiasat kes itu. Beliau telah diwakilkan dan diberikan kuasa oleh Pegawai Penyiasat kes itu untuk memohon perintah reman tersebut.

Undang-Undang Yang Terpakai

[8] Seksyen 117 KTJ seperti dipinda melalui Criminal Procedure Code (Amendment) Act 2006 (Akta A1274), memperuntukkan seperti berikut:

> 117. Procedure where investigation cannot be completed within twenty-four hours.
>
> (1) Whenever any person is arrested and detained in custody and it appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty-four hours fixed by section 28 and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded the police officer making the investigation shall immediately transmit to a Magistrate a copy of the entries in the diary hereinafter prescribed relating to the case and shall at the same time produce the accused before the Magistrate.

(2) The Magistrate before whom an accused person is produced under this section may, whether he has or has no jurisdiction to try the case, authorize the detention of the accused in such custody as follows:

(a) If the offence which is being investigated is punishable with imprisonment of less than fourteen years, the detention shall not be more than four days on the first application and shall not be more than three days on the second application; or

(b) if the offence which is being investigated is punishable with death or imprisonment of fourteen years or more, the detention shall not be more than seven days on the first application and shall not be more than seven days on the second application.

(3) The officer making the investigation shall state in the copy of the entries in the diary referred to in subsection (1), any period of detention of the accused immediately prior to the application, whether or not such detention relates to the application.

(4) The Magistrate, in deciding the period of detention of the accused person, shall take into consideration any detention period immediately prior to the application, whether or not such detention relates to the application.

(5) The Magistrate in deciding the period of detention of the accused shall allow representations to be made either by the accused himself or through a counsel of his choice.

(6) If the Magistrate has no jurisdiction to try the case and considers further detention unnecessary he may order the accused person to be produced before a Magistrate having such jurisdiction or, if the case is triable only by the High Court, before himself or another Magistrate having jurisdiction with a view to transmission for trial by the High Court.

(7) A Magistrate authorizing under this section detention in custody of the police shall record his reasons for so doing.

[9] Kepentingan diari siasatan polis dikemukakan semasa permohonan reman dibuat adalah terserlah dibawah s. 117 tersebut diatas. Untuk itu, adalah juga baiknya s. 119 KTJ diperturunkan:

119. Diary of proceedings in investigation

(1) Every police officer making a police investigation under this Chapter shall day by day enter his proceedings in the investigation in a diary setting forth:

(a) the time at which the order, if any, for investigation reached him;

(b) the time at which he began and closed the investigation;

(c) the place or places visited by him; and

(d) a statement of the circumstances ascertained through his investigation.

(2) Notwithstanding anything contained in the Evidence Act 1950, an accused person shall not be entitled, either before or in the course of any inquiry or trial, to call for or inspect any such diary:

Provided that if the police officer who has made the investigation refers to the diary for the purposes of section 159 or 160 of that Act, such entries only as the officer has referred to shall be shown to the accused, and the Court shall at the request of the officer cause any other entries to be concealed from view or obliterated.

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

[10] Seksyen 323 hingga 327 KTJ serta s. 31 dan 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memberi kuasa yang cukup luas kepada Hakim Mahkamah Tinggi dibawah bidangkuasa semakan bagi menentukan sama ada keputusan mahkamah bawahan jenayah betul, mengikut undang-undang atau bersesuaian berkaitan dengan hal berkaitan dengan keputusan, hukuman ataupun perintah serta teraturnya sesuatu prosiding mahkamah itu, termasuk terhadap perintah reman. Prosedur mengenai semakan telah dihuraikan oleh KC Vohrah J (ketika itu) dalam kes *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430 seperti berikut:

Having set out the statutory provisions, it behoves the court to examine the relevant case law. In *PP v. Kulasingam* [1974] 1 LNS 118; [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (as he then was) stated the essence of what the High Court should have in mind when considering a revision (at the same page):

The powers of the High Court in revision are amply provided under s. 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or

A prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice.

B **[11]** Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah sekarang, untuk menentukan bahawa tiada berlakunya ketidakadilan serta bersesuaiannya perintah PKP membenarkan tahanan reman selama empat hari terhadap pemohon, maka rekod prosiding serta dokumen yang menyokong permohonan reman tersebut wajarlah diteliti. Isu
C pertama dibangkitkan oleh peguam pemohon adalah berkaitan dengan kuasa menangkap oleh Polis Bantuan PKP. Peguam pemohon menyatakan pemohon pada mulanya cuba ditangkap dirumah kediaman beliau pada jam lebih kurang 6 pagi tetapi pemohon enggan ditangkap di rumahnya. Apabila pemohon pergi ke
D Balai Polis Johor Jaya beliau telah ditangkap di sana. Dakwaan peguam pemohon ini adalah tidak benar. Laporan polis mengenai tangkapan tersebut jelas menunjukkan pemohon telah ditangkap di rumahnya di No. 1 Jalan Teratai 47, Taman Johor Jaya dan kemudiannya dibawa ke Balai Polis Johor Jaya untuk anggota Polis
E Bantuan PTP membuat repot atas tangkapan tersebut. Laporan polis terhadap pemohon telah dibuat pada 18 Februari 2009 di Balai Polis Tanjung Kupang melalui repot No. 184/09, dan bukan pada 19 Februari 2009 seperti didakwa oleh peguam pemohon.

F **Isu (a) Kuasa Menangkap Oleh Polis Bantuan**

[12] Polis Bantuan PTP telah dilantik untuk melaksanakan tugas-tugas siasatan oleh unit-unit Polis Bantuan dalam kawasan PTP tersebut dengan pengawasan rapi oleh Ketua Polis Daerah masing-
G masing. Pegawai/Penolong Pegawai Penyiasat Polis Bantuan yang dilantik akan melaksanakan tugas-tugas siasatan ke atas semua kes jenayah yang dilapur berlaku dalam kawasan pelabuhan PTP tersebut. Arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman bertarikh 18 April 2000 telah menyenaraikan kesalahan-
H kesalahan yang boleh disiasat oleh Polis Bantuan bagi semua pelabuhan di Malaysia. Kesalahan-kesalahan tersebut termasuklah kesalahan curi di bawah ss. 379, 379A, 380 dan 381 Kanun Keseksaan dan kesalahan tipu di bawah s. 420 dan 421 Kanun yang sama. Apabila kuasa menyiasat diberikan maka secara tersirat kuasa
I menangkap juga disertakan bersama bagi menangkap pesalah-pesalah

berkenaan. Pada pandangan mahkamah adalah tidak munasabah serta tidak masuk akal hujahan peguambela pemohon bahawa Polis Bantuan PTP hanya boleh membuat tangkapan didalam kawasan PTP sahaja. Jika pesalah selepas sahaja melakukan kesalahan dan beredar keluar dari kawasan PTP, maka jika hujahan peguambela benar ini akan menghadkan serta menjejaskan siasatan oleh Polis Bantuan PTP tersebut. Oleh itu Polis Bantuan PTP boleh menangkap pesalah dimana-mana tempat di negara ini selagi pesalah tersebut telah melakukan sesuatu kesalahan didalam kawasan pelabuhan (port limits) bagi PTP. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, tangkapan yang dibuat oleh Inspektor/PB Mohd Zamri Manjanib ke atas pemohon di Taman Johor Jaya adalah sah oleh kerana kesalahan yang telah didakwa dilakukan oleh pemohon telah berlaku dalam kawasan PTP.

Isu (B) Reman Oleh PKP

[13] PKP adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor yang dibuat oleh Ketua Hakim Negara dibawah s. 10 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Disemak 1972) (Akta 91). Kuasa dan tugas PKP diperuntukkan dibawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Seksyen 10 Akta ini juga menetapkan bahawa seorang Majistret adalah merupakan *ex-officio* PKP.

[14] Seksyen 77 Akta Mahkamah Rendah 1948 (Disemak 1972) memperuntukkan seperti berikut:

> 77. *Ex-officio* First Class Magistrates.
>
> (1) The persons for the time being holding or acting in the offices specified in the Fourth Schedule shall, *ex-officio*, be First Class Magistrates, in and for the respective States designated therein.
>
> (2) The Yang di-Pertuan Agong may, by notification in the Gazette, delete any office from, vary, or add any office to, the list of offices in the Fourth Schedule.

[15] Jadual Keempat Akta tersebut menyenaraikan di bawah senarai 'For All States', mereka berikut sebagai *ex-officio* Majistret Kelas Pertama, iaitu:

> Deputy Chief Secretaries
>
> Principal Assistant Secretary to Chief Secretary
>
> Chief Registrar of the Federal Court

A Deputy Registrars (in Peninsular Malaysia) of the Federal Court

Senior Assistant Registrars (in Peninsular Malaysia) of the Federal Court

Assistant Registrars (in Peninsular Malaysia) of the Federal Court

B

Registrar of the High Court in Malaya

Deputy Registrars of the High Court in Malaya

Senior Assistant Registrars of the High Court in Malaya

C

Assistant Registrars of the High Court in Malaya

Sessions Courts Judges

[16] Oleh itu adalah jelas PKP sebagai *ex-officio* Majistret Kelas
D Satu mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah reman terhadap pemohon dalam kes ini. Oleh itu juga hujah peguambela atas isu ini tidak berasas dan ditolak.

Isu (C) Permohonan Reman Oleh Wakil Pegawai Penyiasat

E **[17]** Menurut rekod yang dikemukakan oleh PKP dalam kes ini, wakil Pegawai Penyiasat telah membuat permohonan reman dan beliau adalah Sarjan Mejar/PB Alias. SM/PB Alias adalah seorang Penolong Pegawai Penyiasat dalam kes ini bersama Sjn/PB Mohd Affendi Kasidi. Pada pandangan mahkamah ini, Pegawai Penyiasat
F dibawah s. 117 tidak harus dibaca secara ketat atau secara 'literal'. Seorang Penolong Pegawai Penyiasat atau pun pada kebiasaannya seorang wakil kepada Pegawai Penyiasat boleh hadhir bagi pihak dalam mengemukakan permohonan untuk reman dengan syarat Penolong Pegawai Penyiasat atau wakil tersebut mempunyai
G pengetahuan secara peribadi mengenai setiap butir-butir siasatan kes tersebut termasuklah apa peringkat atau langkah-langkah yang telah dilakukan dalam siasatan tersebut serta apakah tindakan susulan yang perlu diambil. Arahan JSJ Bukit Aman juga dengan jelas memberikan kuasa siasatan, termasuklah kuasa menangkap kepada
H Pegawai Penyiasat dan Penolong Pegawai Penyiasat. Oleh itu hujahan peguambela atas isu ini juga pada fikiran saya adalah tidak berasas.

I

Isu (d) Diari Siasatan

[18] Nas-nas yang diputuskan oleh mahkamah sebelum ini dengan tegas menyatakan bahawa satu dairi siasatan dibawah s. 119 KTJ adalah wajib dikemukakan semasa membuat permohonan reman. Dalam kes *Polis Di Raja Malaysia v. Audrey Keong Mei Cheng* [1994] 3 CLJ 362, Syed Idid J menjelaskan mengenai dairi seperti berikut:

> The diary in my opinion, has to be a diary (definition: "buku catatan, buku harian") and in it must set forth:
>
> > The time at which the order, if any, for investigation reached the officer (and it is helpful to cite the substance of the order and where possible its objective); (b) the time at which he (or she) began and closed the investigation (and the dates/ times of occurrences activities); (c) the place or places visited by him (or her); and (d) a statement of the circumstances ascertained through his/her investigation.
> >
> > These details provide the true proceedings in the investigation in compliance with what is required by s. 119(1) CPC. A copy of this is what the officer must supply the Magistrate under s. 117. This is to obviate the necessity of the Magistrate having to examine the complainant and recording the examination. (Chapter XV and s. 133. Compare s. 117(3) with 135(2) CPC). So I have at this stage to say that the police in this case did not transmit to the Magistrate a copy of the proper entries in the diary. This goes against the requirements of s. 117. How then could the Magistrate (or Registrar in our case) make any decision to continue detention of the respondent? As a matter of law, not only must the diary be in the form specified by s. 119 CPC but it must also be replete with grounds indicating that the information against the accused (or respondent) is well-founded. It is incumbent upon the police to report to the Public Prosecutor of investigation under Chapter XIII CPC through the use of Form XXVI in Second Schedule. There was no evidence that this was done. Anything short of that again is not acceptable as otherwise the police will be on a frolic of their own and citizens and subjects (and foreigners) can be in grave danger of losing their liberty if not their limb. The court must always be vigilant to guard against abuse of powers by any and every activity just so that our Nation continue to be respected for justice and fairplay.

[19] Setelah menyemak rekod prosiding dihadapan PKP, satu diari sisatan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat telah dikemukakan kepada PKP bersama surat Permohonan Tahanan Reman Di bawah s. 117 KTJ. Dakwaan peguambela bahawa tiada diari siasatan dikemukakan adalah tidak benar. Diari siasatan dalam Borang Polis 51B Pindaan "Kertas butir-butir Penyiasatan" mencatatkan tarikh dan masa, No. butiran penyiasatan dan butir-butir penyiasatan telah memenuhi kehendak s. 119(1) KTJ. Diari ini tidak ditunjukkan kepada peguambela sewaktu prosiding reman tersebut berdasarkan s. 119(2) KTJ, dan ini tidak bermakna tiada diari siasatan dikemukakan kepada PKP. Dalam kes *Saul Hamid Pakir Mohamed v. PP* [1987] 2 CLJ 257; [1987] CLJ (Rep) 967 Edgar Joseph Jr J (ketika itu) menyatakan berkenaan perkara ini di ms. 927 seperti berikut:

> Consequently, subject to the very limited exceptions mentioned, neither the arrested person nor his Counsel (if present) would have any means of knowing of the entries in the diary unless, of course, the Magistrate or the police officer makes disclosure thereof during the proceedings-events I would regard as most unlikely.

Isu (e) *Functus officio*

[20] Peguambela berhujah bahawa PKP telah *functus officio* apabila setelah membenarkan reman selama lima hari, kemudiannya meminda kepada empat hari. PKP telah menjelaskan apa yang terjadi pada prosiding reman tersebut ialah beliau pada mulanya membenarkan reman sehingga 12 April 2009 tetapi kemudiannya menyedari bahawa itu bermakna tempoh reman tersebut adalah selama lima hari dan ini bercanggah dengan kuasa beliau untuk membenarkan reman maksima empat hari sahaja dalam permohonan kali pertama seperti diperuntukkan di bawah s. 117(2)(a) KTJ. Menyedari kesilapan tersebut, PKP telah meminda perintah beliau dengan membenarkan reman selama empat hari iaitu sehingga 11 April 2009. Pindaan itu dibuat sebaik sahaja beliau sedar akan kesilapannya dan pindaan dibuat dengan serta merta semasa pihak-pihak masih lagi berada dihadapan beliau. Peguambela pemohon serta pemohon juga masih lagi berada dihadapan PKP, begitu juga dengan Penolong Pegawai Penyiasat masih lagi belum meninggalkan tempat prosiding reman tersebut dijalankan. Dalam keadaan tersebut, pada pandangan mahkamah bahawa PKP belum lagi dikategorikan sebagai *functus officio* oleh kerana pindaan itu dibuat "before the court rises for the day". Seksyen 278 KTJ memperuntukkan:

278 Judgment not to be altered

No court, other than a High Court, having once recorded its judgment, shall alter or review the same: provided that a clerical error may be rectified at any time and that any other mistake may be rectified at any time before the Court rises for the day.

[21] Satu perkara yang ingin disebutkan disini bahawa PKP telah gagal merekodkan alasan-alasan beliau membenarkan tahanan reman selama empat hari tersebut. PKP telah gagal mematuhi kehendak s. 117(7) KTJ yang menghendakki Majistret merekodkan alasan-alasan beliau membenarkan atau menolak permohonan reman. Alasan-alasan ini adalah perlu supaya dapat membantu Mahkamah Tinggi sekiranya terdapat semakan/rayuan terhadap keputusan majistret tersebut seperti sekarang ini. Walau apapun, pada pandangan mahkamah bahawa kegagalan PKP untuk merekodkan alasan-alasan beliau tidak fatal dan tidak membawa kepada satu keadaan sehingga berlakunya ketidakadilan. Setelah meneliti diari, didapati pemohon telah ditangkap pada jam 6 pagi 8 April 2009 dan permohonan reman dibuat pada hari yang sama jam 9 pagi. Dalam tempoh tiga jam tersebut tidak mungkin satu sisatan dapat dilengkapkan lebih-lebih lagi kesalahan yang disiasat adalah kesalahan menipu dibawah s. 420 dan kesalahan mencuri dibawah s. 379 Kanun Keseksaan. Meneliti laporan polis Tanjong Kupang Report No. 184/09, menunjukkan ada 'nexus' antara kesalahan yang berlaku dengan pemohon dalam kes ini. Oleh itu perintah reman selama empat hari yang dibenarkan oleh PKP adalah 'justified' dalam keadaan kes ini. Abdul Malik Ishak J (ketika itu) dalam kes *Re The Detention Of Leonard Teoh Hooi Leong* [1998] 1 CLJ 857 setelah merujuk kepada kes *Nabachandra Singh v. Manipur Administration* [1964] AIR Manipur 39, menyatakan:

That case decided that in order to decide the question of remand, the magistrate must be satisfied on a perusal of the entries in the police diary that there were grounds for believing that the accusation or information against the accused was well founded and that the police have exercised their right of arresting without warrant legally and that it was necessary for the purpose of the investigation that the accused should be remanded in custody. Thus, unless the magistrate was satisfied on all these points he cannot remand the accused to jail custody.

A **[22]** Sebagai konklusi, saya berpuashati atas alasan-alasan yang dihuraikan diatas, perintah reman yang diberikan oleh PKP adalah betul, sah dan bersesuaian dengan keadaan fakta dalam kes ini. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengganggu keputusan PKP tersebut, sekaligus menolak permohonan pemohon.

B

C

D

E

F

G

H

I